

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH JAWAPAN : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapakah peruntukan telah diberi kepada Indah Water Konsortium (IWK) setiap tahun sejak 2009 dan apakah hasil pulangannya.

JAWAPAN

Tuan yang Dipertua,

1. Daripada tahun 2009 hingga tahun 2015, Kerajaan telah menyalurkan subsidi kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) berjumlah RM 1.374 bilion atau secara purata RM200 juta setahun. Pemberian subsidi ini bertujuan untuk menampung kos operasi dan penyelenggaran lebih 7,000 buah loji rawatan kumbahan (LRK) dan rumah pam oleh IWK yang meningkat setiap tahun dan tidak dapat ditampung oleh kutipan hasil. Sebagai contoh, kos operasi IWK untuk tahun 2015 adalah berjumlah RM809 juta berbanding kutipan hasil RM614 juta. Ini berlaku kerana tarif semasa bagi perkhidmatan pembetungan adalah jauh lebih rendah daripada kos menyediakan perkhidmatan pembetungan.

2. IWK merekodkan kutipan hasil sebanyak RM569 juta pada tahun 2013, RM602 juta pada tahun 2014 dan RM614 juta pada tahun 2015. Meskipun begitu, IWK masih beroperasi dalam keadaan defisit akibat pertambahan kos operasi yang meningkat setiap tahun dan struktur tarif masih kekal tidak berubah.

3. Walaupun beroperasi dalam keadaan defisit, IWK berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna dan juga pemuliharaan alam sekitar. Dari rekod IWK, jumlah LRK yang mematuhi piawaian pelepasan efluen di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meningkat daripada 5,146 LRK (95%) pada tahun 2009 kepada 6,166 LRK (97%) pada tahun 2015.

4. Dari aspek liputan pula, rekod IWK menunjukkan peningkatan liputan dari 18,104,293 populasi setara (PE) pada tahun 2009 kepada 22,649,024 PE pada tahun 2015.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR

TARIKH : 15.11.2016

SOALAN : NO. 17

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian melihat isu pengurangan dana yang dihadapi oleh setiap IPT dalam memberi kesan kepada sistem pengurusan, sistem pembelajaran serta prestasi IPT sendiri. Apakah bentuk cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan apabila IPTA diminta untuk bergerak dan mencari dana sendiri untuk kelangsungan program akademik terus berlaku dan pada masa yang sama bagi memastikan sasaran sebanyak 60 ribu pensyarah IPT yang mempunyai latar belakang PhD dapat dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun peruntukan 2017 kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berkurangan berbanding tahun 2016, Kerajaan komited untuk memastikan pembangunan pendidikan tinggi negara dapat dilaksanakan dengan jayanya. KPT tetap yakin, dengan jumlah yang diluluskan tersebut, peruntukan yang disediakan ini mampu merealisasikan agenda pembangunan pendidikan tinggi negara. Peruntukan mengurus pada tahun 2017 adalah berkurang, manakala peruntukan pembangunan meningkat sebanyak 63.6% disebabkan pindahan bagi pembiayaan projek *Private Finance Initiative* (PFI) atau *Public Private Partnership* (PPP).

Selari dengan status sebagai Badan Berkanun serta diberikan autonomi oleh KPT, Universiti Awam seharusnya sentiasa melaksanakan langkah-langkah bagi menjana pendapatan tambahan. Pada hari ini, kebergantungan UA di Malaysia terhadap pembiayaan Kerajaan adalah terlalu tinggi iaitu pada kadar 75% hingga 95% berbanding dengan Thammasat University Thailand di mana hanya 30% dibiayai oleh Kerajaan.

Pengurangan peruntukan ini adalah selaras dengan pelan strategik yang telah dilancarkan oleh KPT di mana Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menyasarkan UA untuk mula menjana pendapatan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Ini diikuti oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT), yang dilancarkan pada April 2015 selepas melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN selama 2 tahun. PPPM (PT) masih meneruskan kesinambungan sasaran KPT terhadap keperluan UA untuk mencapai kedudukan kewangan yang lestari melalui penjanaan pendapatan yang pelbagai, di bawah dalam Lonjakan 5: Kemampanan Kewangan. KPT juga telah mengeluarkan buku panduan “Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf” sebagai rujukan kepada semua UA dalam menjana pendapatan.

Menurut laporan 2016 oleh Universitas 21 atau U21 (rangkaian global yang terkemuka bagi universiti penyelidikan), Serbia dan Malaysia adalah dua negara tertinggi yang menumpukan peruntukan yang besar untuk pendidikan tinggi iaitu lebih daripada yang dijangkakan pada tahap KDNK per kapita. Di peringkat global, jika dibandingkan dengan 50 negara-negara yang dipilih, Malaysia berada di kedudukan ke-13 bagi sumber yang dikhaskan untuk pendidikan tinggi.

Pembentangan berdasarkan pencapaian keberhasilan (*outcomes*) akan menjadi ‘*the new norm*’ yang bertujuan untuk mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan. Kaedah ini menggalakkan UA untuk memperkuatkan kewangan kendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa mengurangkan akses atau menjelaskan kualiti pendidikan yang diberikan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh UA dalam berhadapan dengan pengurangan peruntukan Kerajaan adalah menggunakan aset dan kepakaran daripada sumber manusia masing-masing bagi menjana pendapatan dalaman UA serta mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat di bawah UA supaya sumber pendapatan daripadanya dapat membantu UA membiayai sebahagian perbelanjaan.

Selain itu, peningkatan produktiviti dan keberkesanan kos pendidikan tinggi perlu dilaksanakan di mana UA perlu mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dengan cekap dan berkesan. Ini boleh dilaksanakan melalui pengkomersilan hasil

penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengkomersilan idea, penyediaan khidmat perundingan, kursus dan latihan eksekutif serta lain-lain program penjanaan pendapatan yang menjadi bidang kepakaran universiti. UA juga turut melaksanakan pembudayaan perbelanjaan secara berhemah tanpa mengurangkan atau menjelaskan penyampaian kualiti pendidikan tinggi kepada masyarakat. Ini termasuklah melaksanakan pengurusan fasiliti yang cekap dan efisien.

UA juga kini mempunyai dana endowmen. Dana ini akan dikembangkan lagi kerana semua UA sedang mempergiatkan usaha menambah dana wakaf masing-masing yang merupakan salah satu inisiatif di bawah PPPM (PT).

UA turut menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat korporat dalam menambahbaik operasi dan perkhidmatan. Misalnya dari Air Asia yang membantu menaik taraf kompleks sukan dan stadium dan UUM pula membuat renovasi 1City Mall yang dibiayai sepenuhnya di bawah peruntukan PFI.

Sehingga kini, bilangan pemegang PhD di dalam negara adalah melebihi 23,000 orang. *MyBrain15* hanyalah merupakan satu daripada mekanisma atau program bagi mencapai bilangan pemegang PhD yang disasarkan. *MyBrain15* juga turut menaja pelajar peringkat Sarjana. Sehingga 30 September 2016, *MyBrain15* telah menaja 54,035 orang pelajar dengan perbelanjaan sebanyak RM800.2 juta. Pembiayaan *MyBrain15* akan diteruskan dan pembiayaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 ialah sebanyak RM500 juta.

Program PhD ini juga turut ditaja oleh Skim Latihan Akademik atau SLAB/SLAI yang sehingga kini telah memberi tajaan kepada 8,100 orang pelajar Sarjana dan PhD yang telah menelan belanja sebanyak RM1.769 bilion. Selain itu, terdapat juga Geran Penyelidikan FRGS, LRGS dan juga Universiti Penyelidikan yang telah membantu penyelidik seramai 8,321 orang antara tahun 2011 hingga 2015 untuk mengikuti pengajian PhD dan Master.